

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM
TAHUN 2019
PRINSIP PERAKAUNAN**

3756/2

**Kertas 2 SET B
Ogos 2019**

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **dua** soalan dalam **Bahagian B**.*
3. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraiian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
5. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
6. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapatkan markah.*
7. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baru.*
8. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan.*
9. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 13 halaman bercetak

Bahagian A

[60 markah]

Jawab *semua* soalan.

- 1 (a) Apakah catatan bergu bagi urus niaga berikut:

Lembaga Pengarah Syarikat Exomurni Berhad memerlukan modal tambahan dengan membuat terbitan syer kali kedua. Pada 3 Ogos 2019, syarikat telah menerbitkan 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer. [2 markah]

- (b) Maklumat berikut diperolehi daripada perniagaan Lilo Bakery.

| |
|--|
| Menerima cek daripada Akaun Belum Terima dan memberi diskaun |
|--|

Apakah kesan urus niaga di atas terhadap aset, liabiliti dan ekuiti pemilik.

| Aset | Liabiliti | Ekuiti Pemilik |
|------|-----------|----------------|
| | | |

[2 markah]

- (c) Sos tomato jenama Kimbal dalam senarai harga ialah RM8 seunit. Diskaun niaga yang ditawarkan ialah seperti berikut:

| Kuantiti | Diskaun |
|---------------------|---------|
| 100 hingga 200 unit | 20% |
| 201 hingga 400 unit | 25% |
| 401 unit ke atas | 30% |

Pada 5 Ogos 2019, Esya telah membeli 350 unit dan 10 hari kemudian beliau membeli lagi sebanyak 450 unit.

Hitungkan jumlah yang perlu dibayar oleh Esya.

[2 markah]

- (d) Berikut adalah maklumat berkaitan pembayaran yuran ahli kelab belia yang ditubuhkan 1 Januari 2016.

- Jumlah wang yuran yang dikutip dalam tahun 2017 adalah RM3 000.
- Pada 31 Disember 2016 tiada ahli yang masih tertunggak yurannya dan tiada ahli yang membayar yuran untuk bulan berikutnya.
- Pada 30 Jun 2017, terdapat ahli yang masih belum membayar yuran bulan sebelumnya berjumlah RM150, manakala terdapat juga ahli yang telah membayar yuran untuk bulan Julai 2017 berjumlah RM400.

Hitung:

- (i) Jumlah yuran yang akan dipindahkan ke Akaun Pendapata dan Perbelanjaan bagi 6 bulan berakhir 30 Jun 2017 [1 markah]
- (ii) Jumlah ahli kelab jika yuran bulanan setiap ahli adalah RM25 sebulan.

- (e) ABC Enterprise telah membuat pinjaman tanpa faedah RM60 000 daripada Dana Usahawan pada 1 Julai 2018. Pinjaman perlu dijelaskan secara ansuran bulanan selama 5 Tahun

Ansuran pokok pinjaman untuk tahun kewangan berakhir 30 Jun 2019 telah dijelaskan sepenuhnya.

Lengkapkan ruang jawapan di bawah untuk menunjukkan persembahan Pinjaman di Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2019.

| | Liabiliti Semasa: RM | Liabiliti Bukan Semasa: RM |
|------------------------|-------------------------|-------------------------------|
| Pinjaman Dana Usahawan | | |
| | (1m) | (1m) |

2. Sri Kencana Jaya sebuah perniagaan milikan tunggal yang menjalankan perniagaan menjual kasut di Bukit Katil, Melaka. Berikut merupakan Imbangan Duga yang telah diambil daripada buku-buku perniagaannya pada 31 Mac 2019.

| Sri Kencana Jaya | | |
|--|---------|---------|
| <u>Imbangan Duga pada 31 Mac 2019</u> | | |
| | Debit | Kredit |
| | RM | RM |
| Kadar bayaran | 3 000 | |
| Inventori 1 April 2018 | 45 550 | |
| Perabot (kos) | 25 600 | |
| Kenderaan (kos) | 88 600 | |
| Premis | 68 000 | |
| Modal | | 107 000 |
| Susut nilai terkumpul perabot | | 2 000 |
| Susut nilai terkumpul kenderaan | | 26 580 |
| Belian dan Jualan | 71 095 | 151 049 |
| Insurans | 1 080 | |
| Pulangan | 587 | 656 |
| Tunai | 1 090 | |
| Bank | 10 303 | |
| Sewa | | 3 000 |
| Kos pengangkutan | 10 500 | |
| Hutang lapuk terpulih | | 1 500 |
| Hutang lapuk | 1 040 | |
| Gaji | 32 400 | |
| Promosi | 2 700 | |
| Alat tulis | 350 | |
| Faedah atas pinjaman | 2 240 | |
| Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar | 25 000 | 35 440 |
| Peruntukan hutang ragu | | 810 |
| Ambilan | 2 900 | |
| Pinjaman Bank Industri | | 64 000 |
| | 392 035 | 392 035 |

Maklumat tambahan

- i. Inventori pada 31 Mac 2019 bernilai RM33 650 pada harga kos dan RM32 850 pada harga pasaran.
- ii. Inventori alat tulis pada 31 Mac 2019 ialah RM70
- iii. Pengagihan kos pengangkutan:

| Angkutan masuk | Angkutan keluar |
|----------------|-----------------|
| 60% | 40% |

- iv. Perabot disusutnilaikan dengan kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Terdapat perabot bernilai RM5 600 dibeli pada 1 Januari 2019. Kenderaan disusutnilaikan dengan kadar 15% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- v. Belanja promosi adalah untuk tempoh 6 bulan mulai 1 Disember 2018
- vi. Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 2% atas Akaun Belum Terima bersih.
- vii. Kadar sewa ruang kedai yang dikenakan kepada penyewa ialah RM300 sebulan.
- viii. Perjanjian pinjaman bernilai RM96 000 ditanda tangani pada 1 April 2016 dan matang pada 31 Mac 2022. Bank Industri menawarkan kadar faedah serendah 4% setahun atas nilai asal pinjaman.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2019.

[15 markah]

- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2019.

[10 markah]

3. Imbangan Duga berikut diperolehi daripada buku Perkongsian Kedai Dobi Shasya pada 30 April 2019.

| | Debit RM | Kredit RM |
|---|-------------|--------------|
| Modal pada 1 Mei 2018 | | |
| Shamina | | 50 000 |
| Syazana | | 90 000 |
| Premis (kos) | | |
| Kenderaan (kos) | | |
| Modal pada 1 Mei 2018 | | |
| Shamina | | |
| Syazana | | 107 000 |
| Ambilan bagi tahun berakhir 30 April 2018 | | 2 000 |
| Shamina - 1 Mei 2018 | | 26 580 |
| - 1 November 2018 | | 151 049 |
| Syazana - 1 Mei 2018 | | |
| Bank | | 656 |
| Tunai | | |
| Akaun Belum Terima | | |
| Akaun Belum Bayar | | 3 000 |
| Peruntukan hutang ragu | | |
| Inventori pada 1 Mei 2018 | | 1 500 |
| Pinjaman daripada Shamina | | |
| Untung bersih | | |
| | 392 035 | 392 035 |

Maklumat tambahan

(a) Pelarasan untung bersih yang perlu diambil kira:

- (i) Insurans prabayar RM1 800
- (ii) Gaji belum bayar RM1 700
- (iii) Sewa belum terima RM250
- (iv) Peruntukan hutang ragu diselaraskan 5% daripada Akaun Belum Terima

(v)

MEMO

Kedai Dobi ShaSya
No. 20, Jln. Berlian 5,
Taman Merdeka Jaya,
75350 Melaka

Tarikh :30 April 2019

Peringatan:

Hutang pelanggan, Amzah telah dihapuskira sebanyak RM500 kerana muflis.

SHAMINA
PENGURUS

(b) Ikatan perjanjian telah menetapkan perkara berikut:

- (i) Faedah atas modal 5% setahun
- (ii) Faedah atas ambilan 4% setahun
- (iii) Gaji bulanan Shamina RM500 dan Syazana RM400
- (iv) Faedah atas pinjaman pekongsi 8% setahun
- (v) Untung dan rugi dibahagikan antara Shamina dan Syazana mengikut nisbah 2: 3

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata mengira untung bersih selepas mengambil kira pelarasan [6 markah]
- (b) Penyata Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2019 [8 markah]
- (c) Akaun Semasa pekongsi (beruangan) [8 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 April 2019 (Bahagian Ekuiti Pemilik) [3 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

- 4 (a) Encik Kamil pemilik Perniagaan Kamil di Besut menyimpan rekod perakaunannya tidak mengikut sistem catatan bergu. Berikut ialah baki - baki aset dan liabiliti perniagaannya:

| | 1 Julai 2018 | 30 Jun 2019 |
|---------------------------------|--------------|-------------|
| | RM | RM |
| Kenderaan (kos) | 30 000 | 30 000 |
| Lengkapan | 20 500 | 28 000 |
| Bank | 8 400 | (1 350) |
| Akaun Belum Bayar | 10 870 | 12 700 |
| Inventori | 14 600 | 22 220 |
| Kadar bayaran belum bayar | 375 | 260 |
| Akaun Belum Terima | 5 340 | 7 280 |
| Tunai | 1 250 | 950 |
| Insurans prabayar | - | 300 |
| Komisen belum terima | 1 200 | - |
| Susut nilai terkumpul kenderaan | 3 000 | ? |

Maklumat tambahan:

- (i) Sepanjang tahun kewangan, Encik Kamil mengambil wang tunai RM325 setiap bulan dan barang niaga berjumlah RM1 015 untuk kegunaan keluarganya.
- (ii) Lengkapan bernilai RM7 500 dibeli pada 31 Disember 2018 untuk kegunaan perniagaan dengan wang peribadi Encik Kamil. Susut nilaiengkapan adalah 10% mengikut kaedah garis lurus berdasarkan baki awal tahun.
- (iii) Susut nilai kenderaan adalah 10% setahun atas baki berkurangan.
- (iv) Peruntukan hutang ragu ialah 5% atas baki Akaun Belum Terima.
- (v) Satu invois yang diterima daripada pembekal Kedai Adham bernilai RM1 385 telah dicatat sebagai RM1 835 belum dibuat pelarasan.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Menghitung Modal pada 30 Jun 2019. [7 markah]
- (b) Penyata Untung atau Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2019. [5 markah]

- 5 (a) Kilang Perabot Gemilang merupakan pengeluaran meja lipat yang terletak di Kawasan Perindustrian Bukit Rambai, Melaka. Berikut merupakan maklumat pelbagai peringkat keluaran meja lipat bagi tahun 2019.

| Paras Keluaran (Unit) | Jumlah Kos (RM) | Jumlah Hasil (RM) |
|--------------------------|--------------------|----------------------|
| 0 | 20 000 | 0 |
| 2 000 | 80 000 | 140 000 |
| 4 000 | 140 000 | 280 000 |
| 6 000 | 200 000 | 420 000 |
| 8 000 | 260 000 | 560 000 |

Kos Tetap diandaikan malar.

Hitung:

- (i) Jumlah Kos Tetap [1 markah]
- (ii) Kos Berubah Seunit [2 markah]
- (iii) Titik Pulang Modal [2 markah]
- (iv) Jumlah unit yang perlu dikeluarkan untuk mendapat untung sebanyak RM40 000 [2 markah]
- (v) Melakar graf titik pulang modal dengan menunjukkan kos tetap, jumlah kos, jumlah hasil dan titik pulang modal. [5 markah]

- (b) Maklumat berikut dipetik dari buku-buku Perniagaan Citra Sari.

| | 1 Jan 2018 | 31 Dis 2018 |
|--------------------------------|------------|-------------|
| | RM | RM |
| Baki debit Akaun Belum Terima | 30 000 | 22 000 |
| Baki kredit Akaun Belum Terima | 5 400 | ? |

Urus niaga sepanjang tahun kewangan:

| | RM |
|--|--------|
| Jualan tunai | 9 700 |
| Diskaun diberi | 260 |
| Diskaun diterima | 470 |
| Penerimaan cek daripada Akaun Belum Terima (termasuk hutang lapuk terpulih RM400) | 40 600 |
| Pulangan keluar | 195 |

| | |
|---|-------|
| Cek yang diterima daripada Akaun Belum Terima tidak dilayan oleh bank | 1 300 |
| Diskaun diberi dibatalkan | 110 |
| Pindahan daripada lejar belian ke dalam lejar jualan | 700 |
| Peruntukan hutang ragu | 185 |

- (i) Anda dikehendaki menyediakan Akaun Kawalan Belum Terima [6 *markah*]
- (ii) Tunjukkan catatan jualan dalam Akaun Perdagangan. [2 *markah*]

- 6 (a) Berikut merupakan ringkasan Buku Tunai Perniagaan Bainun bagi bulan berakhir 30 April 2019.

| | | | |
|---------|--------------------|--------|-----------|
| | | RM | |
| | Baki 1 April 2019 | 7 200 | |
| | Jumlah penerimaan | 30 600 | |
| | Jumlah pembayaran | 15 500 | |
| Penyata | Baki 30 April 2019 | 22 300 | bank yang |

diterima pada 30 April menunjukkan baki yang berbeza

- (i) Deposit cek berjumlah RM 2 360 pada 30 April belum dikreditkan oleh bank.
- (ii) Sekeping cek bernilai RM1890 yang dibayar kepada Syarikat Aiman telah dicatatkan dalam buku tunai sebagai RM1800.
- (iii) Bank telah membayar ansuran van sebanyak RM1080 dan premium insurans sebanyak RM 4 50 bagi pihak perniagaan menggunakan perkhidmatan perintah sedia ada.
- (iv) Dua keping cek yang belum ditunaikan :

| | | |
|-------------------|---------------------|---------|
| Perniagaan Armand | (No Cek : 127868) | RM2 300 |
| Belian | (No Cek : 127870) | RM 1200 |
- (v) Bayaran perkhidmatan bank sebanyak RM150 yang ditunjukkan dalam penyata bank belum direkodkan dalam buku tunai.
- (vi) Cek berjumlah RM1 000 yang diterima daripada Perniagaan Aini tidak dilayan oleh bank.
- (vii) Cek bernilai RM 1 400 yang dibayar kepada Syarikat Muhibbah telah didebitkan oleh bank dan direkodkan sebelah debit Buku Tunai.
- (viii) Dividen berjumlah RM 1 980 diterima terus oleh pihak bagi Perniagaan Bainun belum direkodkan lagi di dalam Buku Tunai.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank dengan mengemaskinikan Buku Tunai. [12 markah]

6.(b) Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Auna Enterprise pada

31 Julai 2019.

| | RM |
|--------------------|-----------|
| Alatan pejabat | 30 500 |
| Lengkapan | 10 450 |
| Inventori | 24 200 |
| Akaun Belum Terima | 4 000 |
| Tunai di Bank | 6 500 |
| Akaun Belum Bayar | 2 300 |
| Modal | 73 350 |

Urus niaga di bawah berlaku sepanjang bulan Ogos 2019:

- (i) Menjual barang niaga berkos RM 1 370 dengan harga RM 1 520.
- (ii) Menerima invois daripada Akaun Belum Bayar dengan harga RM 5 000.
- (iii) Menerima cek bernilai RM 4 000 daripada Akaun Belum Terima untuk menjelaskan semua hutangnya.
- (iv) Pemilik mengeluarkan RM 140 dari akaun bank untuk kegunaan sendiri.

Anda dikehendaki :

- a) Merekod urus niaga bulan Ogos 2019 dalam jadual di Lampiran A. [5 markah]
- b) Menghitung modal akhir Perniagaan Auna Enterprise pada 31 Ogos 2019 [3 markah]